

Kerajaan perlu transformasi OKU

oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN 09 Oktober 2023 08:20am Masa membaca: 1 minit



Ramai golongan OKU berjaya menggenggam ijazah di institusi pengajian tinggi.

KOTA BHARU - Kerajaan perlu memberi tumpuan terhadap usaha mentransformasikan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam pembentangan Belanjawan 2024 bagi memastikan kumpulan berkenaan mampu berdaya saing.

Menurut Ketua Pusat Transformasi OKU Universiti Sains Malaysia (USM)-Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik), Dr Mohd Zulkifli Abdul Rahim, dengan melengkapkan mereka melalui kemahiran adalah alternatif terbaik mengurangkan beban kewangan negara.

"Mengubah OKU ke arah lebih produktif bakal menjadikan mereka salah satu kumpulan penyumbang kepada negara melalui aktiviti ekonomi.

"Apabila mereka dibekalkan dengan ilmu atau kemahiran, saya jangka sumbangan kumpulan ini lebih berkesan kepada negara pada masa hadapan," katanya kepada Sinar Harian.

Tambah Mohd Zulkifli, peranan dimainkan OKU tidak boleh dipandang enteng semua pihak.

"OKU mempunyai potensi besar untuk berbakti kepada negara jika diberikan peranan sebaik mungkin menerusi kemahiran yang mereka ada.

"Melalui kemahiran ini, pembentukan disiplin dapat disuburkan bagi memastikan mereka mampu bersaing dengan individu normal, sekali gus menjadi penyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

